

31/07/1997

Mahathir sangkal dakwaan Albright (HL)

ad Zaini Kamarruzzaman; Ahmad Ghazali Musa; Halim Yusoff

LANGKAWI, Rabu - Cadangan Malaysia supaya Deklarasi Hak Asasi Manusia 1948 dikaji semula kerana masalah hak asasi manusia di negara membangun tidak pernah mendapat simpati Barat, tegas Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Menurut Perdana Menteri, cadangan itu bukanlah tindakan untuk 'mencair' atau mengubah takrifan asas hak asasi manusia yang ditetapkan dalam Deklarasi 1948 seperti didakwa Setiausaha Negara Amerika Syarikat, Madeleine Albright.

Sambil mengulangi deklarasi itu ketinggalan zaman, Dr Mahathir menegaskan, Malaysia akan berusaha meyakinkan negara-negara membangun bahawa deklarasi itu perlu dikaji semula.

Malaysia akan menggunakan sebarang forum antarabangsa seperti Asean dan forum Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) untuk mendapatkan sokongan negara lain.

"Kita perlu meyakinkan rakan kita bahawa kajian semula itu perlu. Kita cuba gunakan sebarang forum. Setakat ini Asean mempunyai pendapat yang sama tetapi kita juga khuatir tekanan kuasa besar terhadap negara membangun sehingga takut untuk menyatakan pendirian.

"Ini juga (menyatakan pendirian) satu lagi hak asasi manusia yang tiada sekarang kerana kuasa besar boleh buat segala-galanya tetapi yang lemah tidak boleh buat apa-apa," katanya kepada pemberita setiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi untuk menutup Dialog Antarabangsa Langkawi 1997 (LID '97), hari ini.

Sebelum berlepas ke Singapura semalam, Albright menyifatkan cadangan Malaysia sebagai percubaan mencairkan deklarasi itu dan Amerika Syarikat akan menentang sebarang percubaan ke arah itu.

Cadangan Dr Mahathir itu mendapat sokongan negara-negara Asia tetapi ditentang Amerika dan Kesatuan Eropah (EU). Pada sidang akhbar di akhir Persidangan Selepas Mesyuarat (PMC) semalam, berlaku pertikaman lidah antara pemimpin Barat dan Asia.

China, Indonesia dan Filipina yang bersetuju deklarasi 50 tahun itu tidak sesuai dengan kehendak masyarakat dunia masa kini, menyokong cadangan Dr Mahathir mengemukakan usul itu kepada Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB).

Perdana Menteri menjelaskan, Malaysia mahu melihat keadaan yang lebih seimbang dengan kebebasan untuk semua pihak terjamin tetapi Amerika Syarikat lebih suka melihat masyarakat negara lain kebuluran daripada kestabilan sesebuah negara.

Menurutnya, Barat lebih suka melihat kerajaan mengejar penunjuk perasaan di jalan raya dan mogok. Pada mereka ia penting tetapi bagi kita kebajikan rakyat lebih utama.

"Bagi Barat, individu itu lebih agung tanpa mengambil kira apa yang berlaku kepada majoriti. Orang tidak boleh berniaga atau bekerja hanya kerana pandangan mengenai kebebasan individu.

"Mereka yang sengaja menjejaskan keamanan dan kestabilan negara lain tidak boleh dibebaskan begitu sahaja ketika yang menderita adalah mereka yang miskin. Itulah pandangan kita dan sama ada negara lain menerimanya, ia perkara berbeza," katanya.

Bagi Malaysia, kestabilan lebih penting dalam menyediakan kehidupan lebih baik untuk rakyatnya kerana ia adalah sebahagian daripada hak asasi manusia sebagai individu.

Dalam hubungan ini, kata Perdana Menteri, Amerika Syarikat sendiri tidak

mengamalkan hak asasi manusia tetapi mahu negara lain melakukannya.

"Di Amerika Syarikat, orang kulit hitam tidak menerima keadilan, terutama dalam proses undang-undang. Jadi, di mana kebebasan di Amerika jika ada rakyatnya yang terlalu miskin dan tiada pekerjaan," katanya.

(END)